

20 APR 1975

Amanah: Tiada tolak ansur

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran kepada wakil rakyat Barisan Nasional yang dipilih bahawa pentadbirannya tidak akan bertolak ansur terhadap mereka yang tidak amanah.

Perdana Menteri menegaskan, mereka yang pecah amanah akan menghadapi masalah sendiri di samping menjatuhkan imej parti dan negara.

Beliau menegaskan demikian ketika memberi ceramah kepada penyokong-penyokong Barisan Nasional di Kelab Sultan Sulaiman di sini bagi menyokong

calon BN Setapak, Encik Idris Basri.

Kira-kira 2,000 orang anggota komponen BN menghadiri ceramah tersebut dengan semangat kuat untuk menubuhkan calon pembangkang dari PAS dan DAP.

'Mengemis'

Pemimpin BN itu juga menyeru pengundi-pengundi Bandaraya mengubah 'seiera' dengan mengundi calon BN dalam pilihanraya kali ini.

Katanya, sudah tiba masanya pengundi-pengundi Bandaraya mengundi tempat lahirnya parti Perikatan dalam tahun 1971.

"Ini disebabkan Perikatan seterusnya BN terus ditolak oleh pengundi di sini sejak tahun 1959 lagi. Sewajarnya mereka itu mengundi calon pemerintah sekarang," jelas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, mereka perlu memilih wakil rakyat yang terus dapat berjumpa dengan rakyat bukan parti pembangkang seperti Encik Lee Lam Thye yang pandai 'mengemis' sahaja.

Katanya, beliau bukan menghina Encik Lee yang juga kenalan baiknya tetapi memandangkan Encik Lee dari parti lain maka sudah tentu parti berkenaan tidak mempunyai kuasa.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia